TARIKH : 10/8/2022
SURAT KHABAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7



# Gesa kaji semula syor pinda Akta Kesatuan Sekerja

## Peruntukan kepelbagaian bawa banyak keburukan banding kebaikan

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan digesa mengkaji semula cadangan untuk meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959 yang dikhuatiri akan membawa lebih keburukan kepada pekerja dan kesatuan sekerja.

Pensyarah Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof Dr Nik Ahmad Kamal Nik Mahmod, berkata peruntukan 'kepelbagaian kesatuan sekerja' dalam akta itu akan membawa lebih banyak keburukan berbanding manfaat kepada pekerja dan pergerakan kesatuan sekerja di Malaysia.

"Kerajaan patut fikir semula peruntukan 'kepelbagaian kesatuan sekerja'. Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) juga membantah, sebab pada pandangan mereka, ia (kepelbagaian kesatuan sekerja) akan membawa kesan yang buruk," katanya.

Beliau berkata demikian pada Forum Rang Undang-Undang (RUU) Kesatuan Sekerja 1959 bertemakan Mudarat atau Manfaat anjuran Gabungan Menentang Kepelbagaian Kesatuan Sekerja (CAMU), di sini semalam.

### 'Katak kesatuan'

Nik Ahmad Kamal berkata, tindakan yang diambil kerajaan seperti kembali ke era sebelum merdeka yang membolehkan sesuatu kesatuan sekerja disertai oleh pekerja dari syarikat dan sektor lain.



Nik Ahmad Kamal

Sementara itu, Pengerusi CAMU, Rudy Rusly, berkata pihaknya bimbang akan wujud elemen 'katak kesatuan' apabila peruntukan 'kepelbagaian kesatuan sekerja' diperkenalkan menerusi RUU Kesatuan Sekerja 1959.

"Sekarang kita sudah saksikan 'katak politik'. Jadi kami bimbang satu hari nanti akan ada 'katak kesatuan' jika kita benarkan pindaan ini. Ini kerana lepas ini akan ada perbuatan mencuri ahli kesatuan dan kesatuan pula akan bersaing satu sama lain.

"CAMU sudah menghantar memorandum kepada Perdana Menteri dan Menteri Sumber Manusia bulan lalu untuk diadakan pertemuan, tetapi sehingga kini belum ada maklum balas," katanya.

RUU ini mencadangkan Akta Kesatuan Sekerja 1959 dipinda bagi membenarkan lebih daripada satu kesatuan sekerja wujud bersama dalam pertubuhan, perdagangan, pekerjaan dan industri yang sama.

RUU itu dibentangkan untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat pada 24 Mac 2022 dan bacaan kedua dijadualkan Julai lalu, namun ditangguhkan.

### Banyak sekatan

Felow Majlis Tindakan Ekonomi Malaysia (MTEM), Azlan Awang, pula berpendapat pergerakan kesatuan sekerja di Malaysia sebenarnya masih belum bebas dan berdikari.

Katanya, ini kerana terdapat banyak sekatan dan kekangan perundangan berbanding kemudahan untuk bergerak dengan bebas.

"Kerajaan sewajarnya meminda kedua-dua Akta Kesatuan Sekerja 1959 dan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 demi kepentingan pekerja, bukannya bagi memenuhi keperluan Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans- Pasifik (CPTPP)," katanya.

# FMBA tak setuju, minta tangguh dua tahun

**Kuala Lumpur:** Gabungan Persatuan-Persatuan Perniagaan Malaysia (FMBA) tidak bersetuju dengan pindaan Akta Kerja 1955 berhubung pengurangan waktu kerja mingguan daripada 48 jam kepada 45 jam, berkuat kuasa 1 September ini.

Pengerusinya, Datuk Abdul Malik Abdullah, berkata ini bukan pada masa yang sesuai untuk melaksanakan waktu kerja 45 jam, dan menggesa kerajaan menangguhkannya selama dua tahun.

Beliau berkata, ini kerana pihaknya bimbang pindaan terhadap akta itu akan memberi impak yang tinggi terhadap kos operasi perniagaan.

Katanya, ketika ini sektor perniagaan berada dalam proses pemulihan pasca COVID-19, tempias perang Russia-Ukraine, banjir, inflasi dan pelaksanaan dasar baharu itu akan menambahkan lagi cabaran serta bebanan kepada golongan peniaga.

"Penguatkuasaan Akta Kerja 1955 (Pindaan 2022) akan memberi kesan kepada peningkatan harga jualan sesuatu produk mahupun perkhidmatan apabila majikan perlu mengambil pekerja atau menyediakan peruntukan gaji atau upah yang lebih.

"Ini secara langsung akan menyebabkan rakyat terkesan kerana walaupun pelbagai inisiatif diambil oleh kerajaan, ia tidak membantu apabila kos sara hidup turut meningkat.

"Pelaksanaan ini harus selari dengan mengkaji semula kadar yang boleh memberi penjimatan kepada sesuatu kos operasi perniagaan dan industri. Contohnya menaikkan nilai ambang cukai perkhidmatan atau cukai jualan bagi sesuatu industri dan penjimatan yang diterima majikan boleh diguna pakai bagi menampung peruntukan gaji atau upah sesuatu perniagaan," katanya dalam kenyataan, semalam.

### Tujuh cadangan

Abdul Malik berkata, selepas menilai dan mempertimbangkan semua maklum balas ahli gabungan FMBA, pihaknya menyarankan kerajaan mengkaji semula dan melaksanakan strategi betul pada masa yang tepat.

Justeru, beliau mengesyorkan tujuh cadangan kepada kerajaan untuk membantu pengusaha perniagaan.

"Pertama, membuat sesuatu keputusan dan pindaan atau penguatkuasaan terhadap Akta Kerja 1955 yang lebih praktikal mengikut industri. Kedua, selesaikan masalah kekurangan pekerja dalam sektor terkesan akibat COVID-19, keadaan ekonomi industri dan perniagaan semasa.

"Ketiga, mengambil kira masalah sedang dihadapi majikan atau pengusaha perniagaan terutama perniagaan mikro. Keempat, pastikan suatu tempoh bertenang tidak kurang dua tahun daripada tarikh penguatkuasaan Akta Kerja 1955 (Pindaan 2022) dilaksanakan.

"Kelima, berbincang dengan peserta industri sebelum menggubal apa-apa undang-undang mahupun peraturan bagi memastikan tiada sebarang salah faham antara pekerja dan majikan. Keenam, kurangkan isu sumber manusia yang akan meningkat akibat ketidakfahaman atau kekhilafan terhadap pindaan itu.

"Ketujuh, memperketat had di mana peruntukan akta tidak terpakai untuk semua pekerja yang mendapat gaji lebih RM3,000 dengan cara meminda jadual pertamanya melalui perintah menteri," katanya.

# Majikan bebas pilih kaedah ikut kesesuaian

*Dari Muka 1*

Saravanan berkata, kaedah ketiga ialah majikan boleh mengurangkan waktu bekerja mingguan daripada enam hari kepada lima hari bekerja.

Beliau berkata, majikan bebas untuk memilih mana-mana kaedah yang dinyatakan mengikut kesesuaian operasi masing-masing.

"Namun, ingin ditegaskan, pengurangan waktu bekerja ini tidak boleh membabitkan pengurangan gaji sedia ada pekerja. Majikan yang mengurangkan gaji boleh dikenakan tindakan," katanya.

Pelaksanaan pengurangan waktu bekerja mingguan ini membabitkan semua sektor pekerjaan swasta di Semenanjung dan Labuan.

Minggu lalu, Dewan Negara diberitahu pindaan Akta Kerja 1955 berhubung pengurangan waktu kerja mingguan daripada 48 jam kepada 45 jam akan berkuat kuasa pada 1 September ini.

Pewartaan tarikh kuat kuasa akta ini dijangka dibuat dalam tempoh yang terdekat.

Saravanan berkata, pengurangan waktu kerja yang ditetapkan melalui pindaan Akta Kerja 1955 ini bertujuan untuk mewujudkan keseimbangan hidup supaya pekerja mempunyai lebih masa untuk keluarga dan urusan peribadi lain.

Katanya, Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Semenanjung Malaysia, sudah mengadakan beberapa siri 'roadshow' di seluruh negara bagi memberi penerangan berhubung pindaan akta ini kepada pihak yang berkepentingan khususnya majikan, persatuan majikan, kesatuan sekerja dan pekerja sejak Julai lalu.

"Pengurangan waktu kerja ini selaras dengan saranan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) 'Reduction of Hours of Work Recommendation' 1962 (No. 116) kepada negara anggota supaya mengambil langkah mengurangkan waktu kerja tanpa membabitkan pengurangan gaji.

"Pengurangan waktu bekerja kepada 45 jam seminggu ini bukanlah suatu yang baharu kerana banyak negara lain di dunia sudah pun mengamalkan waktu bekerja mingguan yang lebih rendah daripada 45 jam seminggu. Antaranya Norway, Jerman, Belgium dan Amerika Syarikat yang mengamalkan waktu kerja 40 jam seminggu.

"Malah, negara jiran Singapura juga mengamalkan waktu kerja 44 jam seminggu, manakala Filipina mengamalkan waktu kerja 45 jam seminggu," katanya.

Ditanya sama ada kerajaan bercadang melaksanakan waktu kerja 40 jam seminggu seperti disarankan ILO, Saravanan berkata, ia perlu diteliti lebih mendalam dengan mengambil kira pandangan majikan terlebih dahulu.

Katanya, JTK komited untuk memastikan golongan pekerja di negara ini mendapat faedah dan perlindungan yang ditetapkan oleh ILO.

"Namun, sebarang keputusan untuk mengurangkan waktu bekerja kepada 40 jam seminggu perlu penelitian lebih mendalam," katanya.

Mengenai kenyataan Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), bahawa pelaksanaan waktu kerja baharu akan menjejaskan operasi syarikat, Saravanan berkata sesi libat urus dan penerangan sudah diadakan dengan pemegang taruh sejak 2015.

Beliau berkata, ia dilakukan melalui pelbagai platform seperti sesi 'townhall', dialog, seminar, mesyuarat dan maklum balas dalam talian membabitkan semua pemegang taruh, termasuk ILO, persatuan majikan, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), badan bukan kerajaan (NGO) dan orang awam.

"Malah, cadangan pindaan kepada Akta Kerja 1955 ini juga dibentangkan dalam mesyuarat Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) yang mana MEF adalah antara anggota tetap majlis itu," katanya.